

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
BUKAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE TIGA,
PARLIMEN EMPATBELAS**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : YB PUAN FUZIAH BT. SALLEH (KUANTAN)

SOALAN

PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH [KUANTAN] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan serta menyemak kewajaran untuk memanjangkan tempoh sah laku pasport Malaysia yang kini sehingga 5 tahun kepada 10 tahun.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Sepertimana lain-lain negara ASEAN serantau seperti Singapura, Thailand dan Indonesia, Kerajaan masih mengekalkan tempoh sah laku pasport selama lima (5) tahun sebagai satu langkah kawalan pengeluaran dokumen keselamatan dan supaya verifikasi ketulenan pasport dapat dilaksanakan secara berkala termasuk pengemaskinian maklumat terkini pemegang pasport tersebut. Risiko peningkatan kes pemalsuan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab dan jumlah kehilangan pasport akan turut bertambah sekiranya tempoh sah laku pasport adalah terlalu lama.

Kerajaan sentiasa berusaha untuk meningkatkan tahap keselamatan dan kawalan dokumen dari semasa ke semasa bagi mengelakkan daripada berlaku sebarang kes pemalsuan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.